

No. Ruj. : USM.38/1 Jld.II

Tarikh : 1 Disember 2023

Kepada : Semua Staf Yang Bertugas Semasa Konvokesyen USM ke-61 (2023)  
Universiti Sains Malaysia (USM)

## Memorandum

Bangunan Canselori  
(Chancellory Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel: 04-6533888  
www.usm.my

### HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 67 TAHUN 2023

#### - PEMBERIAN CUTI PAMPASAN SELAMA DUA (2) HARI SEMPENA UPACARA KONVOKESYEN USM KE-61 (TAHUN 2023)

Saya dengan sukacitanya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, Upacara Konvokesyen USM ke-61 telah pun dilaksanakan dengan jayanya sepanjang tempoh 21 – 27 November 2023.

3. Sehubungan itu, bagi menghargai komitmen, kerjasama dan kualiti penyampaian perkhidmatan yang cemerlang, pihak Universiti telah bersetuju untuk memberikan **Cuti Pampasan selama dua (2) hari** kepada staf-staf yang terlibat menjayakan Upacara Konvokesyen USM ke-61.

4. Syarat am pemberian Cuti Pampasan selama dua (2) hari ini adalah seperti berikut :-

- (a) **Layak kepada staf yang bertugas** pada tarikh **25 November 2023 (Sabtu)** dan **26 November 2023 (Ahad)** semasa Upacara Konvokesyen USM ke-61. Bagi yang bertugas pada salah satu tarikh (hari) di atas, hanya layak cuti pampasan satu (1) hari sahaja.
- (b) Boleh diambil secara sekali gus atau berasingan.
- (c) **Perlu memohon secara rasmi melalui Sistem e-Cuti** dan tidak lagi dibenarkan mengambilnya secara rekod manual – rujuk Hebahan Pendaftar Bil. 58 Tahun 2023 bertarikh 10 Oktober 2023.
- (d) Staf yang mengambil Cuti Pampasan ini adalah **tidak layak untuk menuntut bayaran elaun lebih masa**.
- (e) Tarikh pengambilannya adalah **tertakluk kepada kelulusan Ketua Jabatan masing-masing**.
- (f) Tempoh kelayakan pengambilan Cuti Pampasan ini adalah **sehingga 31 Mac 2024**.

5. Sekian, harap maklum. Terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(**MOHD AZIZUDIN BIN MOHD-SHARIFF**)

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Naib Canselor  
Pendaftar

Tel. : (6)04 653 6070/6071/6108 ; E-Mel : [azizudin@usm.my](mailto:azizudin@usm.my) ; Web : [bsm.usm.my](http://bsm.usm.my)